Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 137 - 150]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com

PELABURAN SAHAM: PROSPEK DAN CABARAN SEBAGAI PENDAPATAN PASIF DALAM KALANGAN BUMIPUTERA DI MALAYSIA

STOCK INVESTMENT: PROSPECTS AND CHALLENGES AS A PASSIVE INCOME AMONG MALAYSIAN BUMIPUTERA

Radieah Mohd Nor

Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS), Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia,
(E-mail: radieah@usm.my)

Article history
Received date : 22-6-2020
Revised date : 23-6-2020
Accepted date : 9-7-2020
Published date : 15-7-2020

To cite this document:
Radieah, M.N (2020). Perlaburan Saham: Prospek dan Cabaran Sebagai Pendapatan Pasif dalam Kalangan Bumiputera di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(30) 137 - 150.

Abstract: *Kesedaran untuk melabur dalam kalangan bumiputera semakin bertambah berbanding 10 tahun yang lalu. Mereka mula memilih untuk melabur dalam unit amanah saham untuk meningkatkan pendapatan mereka. Walau bagaimanapun, kesedaran mereka semakin memuncak apabila golongan bumiputera mula memilih untuk melabur terus ke dalam pasaran saham di Bursa Malaysia berbanding menggunakan medium perantara seperti unit amanah saham, Tabung Haji dan Amanah Saham Bumiputera. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah Fenomenalogi (Phenomenology). Kaedah persampelan data pula menggunakan Teknik Persampelan Bertujuan (Purposive Sampling) melalui kaedah Pemerhatian Turut Serta (Participating Observation). Kajian ini cuba meneliti cabaran yang dihadapi oleh golongan bumiputera untuk melabur dalam pasaran saham berdasarkan soal selidik separa terbuka terhadap 12 orang Bumiputera yang telah berjaya menambah pandapatan mereka melalui perlaburan saham di Bursa Malaysia. Hasil dapatan kajian mendapati, modal bukanlah faktor utama seseorang itu berjaya dalam perlaburan saham sebaliknya adalah penguasaan ilmu berkaitan perlaburan saham, menguasi maklumat berkaitan keadaan semasa pasaran, nasihat yang berterusan daripada mentor, disiplin dalam setiap pelan perlaburan dan bijak mengawal emosi. Hasil dapatan tersebut ternyata, perlaburan saham boleh menjadi pendapatan pasif memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat memerlukan mereka untuk menambah pendapatan sedia ada untuk menampung kehidupan mereka.*

Keywords: *Perlaburan saham, Bursa Malaysia, pendapatan pasif, bumiputera*

Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 137 - 150]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com

Abstract: *Investment awareness among Bumiputera is increasing compared with 10 years ago. They start to choose to invest in unit trust to increase their income. However, their awareness has culminated to the point of them opting to directly invest in stock market in Bursa Malaysia instead of using mediators such as unit trust, Tabung Haji and Amanah Saham Bumiputera. This study attempts to investigate the challenges confronted by Bumiputera to invest in stock market based on a semi-open survey on 12 Bumiputera that had successfully increased their income through stock investment in Bursa Malaysia. Research findings show that capital is not the main factor for an individual to succeed in stock investment. Instead, these factors are having knowledge related to stock investment, being well-informed on current market situation, continuous advice from a mentor, to be discipline in every investment plan and to be smart in controlling emotion. From these findings, it is apparent that stock investment can become a source of passive income for the Bumiputera as the ever-increasing cost of living demands them to complement their existing source of income to support their living. Introduction to stock market at this early age will create long-term financial stability especially as a solution to manage and strengthen the economy among Bumiputera.*

Keywords: *Stock investment, Bursa Malaysia, passive income, Bumiputera*

Pengenalan

Kebanyakan masyarakat yang tinggal di Lembah Klang, Kuala Lumpur, Malaysia memiliki dua pekerjaan dalam satu masa. Mereka mengenalinya sebagai pendapatan sampingan. Pendapatan sampingan ini adalah bertujuan untuk menampung kehidupan mereka di bandar kerana pendapatan utama mereka tidak dapat menampung kos sara hidup di bandar yang semakin meningkat (Bernama, 2016).

Walau bagaimanapun, kebanyakan mereka mengakui pendapatan kerja sampingan yang mereka lakukan membuatkan mereka tidak dapat memberi tumpun sepenuhnya kepada pekerjaan utama mereka. Keadaan ini berlaku kerana kerja sampingan yang mereka lakukan membuatkan mereka keletihan untuk melakukan pekerjaan utama kerana kerja sampingan mereka terpaksa mereka lakukan sehingga lewat malam. Selain itu pekerjaan sampingan ini juga membuatkan mereka tidak memiliki banyak masa dengan keluarga. Apabila seseorang memiliki pendapatan sampingan mereka sebenarnya memiliki dua pekerjaan yang memerlukan tenaga dan masa yang hampir sama. Oleh itu, penting untuk seseorang memiliki pendapatan lain yang tidak mengganggu kehidupan hariannya.

Sorotan Karya

Masyarakat dilihat mula memilih untuk memiliki pendapatan pasif adalah lebih baik berbanding memiliki pendapatan sampingan. Pendapatan pasif merupakan pendapatan sampingan yang memerlukan perlaburan awal terlebih dahulu. Perlabuaran awal yang dibuat ini seupama mencipta mesin cetak wang untuk membawa masuk wang secara berterusan dengan penglibatan fizikal semakin berkurang (Usahawan.com, 2018). Melalui perlaburan awal tersebut seseorang yang menjana pendapatan pasif kemudiannya akan mendapat pendapatan berterusan malah penglibatannya secara terus dengan pemilik sesuatu perniagaan semakin berkurang (Usahawan.com, 2018).

Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 137 - 150]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com

Perlaburan awal yang diperlukan ini membuatkan golongan yang memiliki pendapatan pasif menyebabkan ia menjadi cabaran besar kepada golongan belia dan juga golongan miskin untuk memiliki pendapatan pasif. Usaha lebih keras perlu dilakukan oleh mereka untuk memiliki pendapatan pasif. Walau bagaimanapun, ia tidak mustahil kerana perlaburan awal untuk memiliki pendapatan pasif ini memiliki banyak kategori. Terdapat pendapatan pasif yang memerlukan nilai perlaburan yang tinggi, sederhana dan rendah. Pendapatan pasif yang memerlukan dana perlaburan yang tinggi seperti memiliki kedai dobi layan diri, memiliki perniagaan Francais dan menyewakan hartanah seperti rumah, tanah atau lot kedai. Pendapatan pasif yang memerlukan dana perlaburan sederhana adalah seperti melabur di pasaran saham dan melakukan perniagaan atas talian. Manakala pendapatan pasif yang memerlukan dana perlaburan yang rendah atau mungkin tidak memerlukan sebarang dana perlaburan adalah seperti menjalankan perniagaan atas talian dengan menjadi orang tengah atau lebih dikenali sebagai dropship, mempromosikan produk affiliate, membina aplikasi atau perisian dan menjana pendapatan melalui royalti melalui penulisan (Usahawan.com, 2018).

Menyedari kepentingan perlunya memiliki pendapatan pasif membuatkan ramai daripada kalagan masyarakat mengambil jalan mudah denggan menyertai ‘skim cepat kaya’ atau skim lain yang tidak berdaftar di bawah Bank Negara Malaysia (Mingguan, 2016). Setakat 9 Ogos 2018 sahaja, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menyenaraikan sebanyak 422 syarikat dan laman sesawang yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan berkaitan yang ditadbir oleh BNM (BNM, 2018). Lebih mengejutkan apabila, angka syarikat dan laman sesawang yang disenaraikan tersebut sebenarnya telah meningkat berbanding 7 April 2016 yang mencatatkan hanya sebanyak 271 buah syarikat dan laman sesawang (BNM, 2016). Syarikat atau institusi tersebut beroperasi tanpa mendapat kelulusan daripada pihak BNM untuk membuat pelaburan, memberikan pinjaman dan lain-lain urusan berkaitan kewangan dan perlaburan. Lambakan syarikat sebegini menjadikan ramai juga dalam kalangan penduduk Malaysia yang tertipu dengan tawaran-tawaran yang dijanjikan oleh syarikat tersebut.

Ia terbukti apabila Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman mendedahkan senarai 30 syarikat pelaburan yang dipercayai terbabit dalam penipuan membabitkan kerugian kira-kira RM3.8 bilion. Selain itu menurut rekod JSJK Bukit Aman menunjukkan seramai 974,301 individu menjadi mangsa syarikat terbabit (Safeek Affendy Razali, Disember 2017). Statistik yang dilaporkan tersebut, merupakan statistik yang dilaporkan pada tahun 2017. Keadaan ini amat membimbangkan kerana skim-skim ini telah membuatkan masyarakat bumiputera khusunya telah kerugian akibat ditipu oleh skim-skim tersebut. Walau bagaimanapun, kesedaran untuk melabur dalam perlaburan yang sah mula mendapat perhatian terutamanya dalam kalangan golongan muda bumiputera berbanding sebelum ini. Peningkatan mendadak mula dikesan apabila mereka mula memilih untuk melabur di pasaran Malaysia mahupun pasaran global.

Menurut Bursa Malaysia, sehingga Mei 2017 statistik menunjukkan berlaku peningkatan sebanyak 36% pemegang akaun Sistem Depositari Pusat (CDS) yang berusia 25 tahun ke bawah. Golongan ini juga merupakan golongan yang paling pesat berkembang dalam kalangan pemegang akaun CDS pada tahun 2016, dengan jumlah 27,252 pemegang akaun pada 30 Disember, 2016. Golongan kedua yang menunjukkan peningkatan adalah pelabur yang berusia antara 26 sehingga 35 tahun. Golongan tersebut merangkumi 192,123 akaun CDS secara

Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 137 - 150]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com

keseluruhan. Walau bagaimanapun, golongan yang berusia antara 46 sehingga 55 tahun, masih kekal sebagai kumpulan pemegang akaun CDS yang terbesar di Malaysia (The Star, Mei 2017).

Usaha yang berterusan daripada pihak Bursa Malaysia untuk menggandakan kesedaran terutamanya kepada golongan muda dengan bekerjasama pihak industri untuk mengadakan seminar, bengkel, persidangan dan sebagainya secara tidak langsung telah memberi pendedahan yang cukup meluas kepada masyarakat (Mahanum, 2019).

Kesedaran masyarakat terhadap perlunya pendapatan pasif dapat dilihat seawal tahun 2020. Menurut Rakuten Trade Sdn Bhd, peningkatan sebanyak 100 peratus iaitu lebih 11,000 akaun baharu telah dibuka sepanjang Mac 2020 terutamanya semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu pada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 berkuat kuasa susulan wabak COVID-19. Kenaikan pembukaan akaun CDS ini turut memberi implikasi sebanyak 20 peratus nilai dagangan pada Mac 2020. Menurut Rakuten Trade Sdn Bhd lagi, sehingga 31 Mac 2020, syarikat tersebut telah menjana nilai dagangan mencecah RM11 billion di Bursa Malaysia dan telah mengaktifkan hampir 70,000 akaun CDS dalam tempoh kurang tiga tahun. Peningkatan angka tersebut terjadi disebabkan masyarakat diperintahkan untuk bekerja dari rumah. Walaupun situasi ini dilihat berlaku dalam jangka maa pendek iaitu semasa tempoh PKP berlaku, tetapi untuk jangka masa panjang masyarakat mula terdidik berkaitan pentingnya perlaburan pasif dengan menceburkan diri dalam pasaran saham (BH Online, 2020).

Golongan muda yang mula membuka akaun CDS ini semestinya golongan yang masih baru menceburkan diri dalam perlaburan saham. Kajian ini cuba mendalami cabaran dan rintangan yang dihadapi oleh golongan ini untuk terus bertahan dalam pasaran memandangkan pasaran pada ketika ini tidak menentu disebabkan nilai mata wang Lira Turki yang jatuh, perang perdagangan yang berlaku di antara China dengan Amerika Syarikat dan Pilihan Raya Umum ke-14 yang berlangsung pada Mei 2018. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) wabak COVID-19 mencetuskan kemelesetan ekonomi global pada 2020, yang kesannya lebih buruk daripada krisis kewangan melanda pada 2008 (Klebnikov, 2020). Krisis ekonomi yang berlaku disebabkan wabak COVID-19 juga telah membuatkan pasaran saham seluruh dunia mengalami krisis. Keadaan yang tidak menentu ini menjadikan arah pasaran tidak menentu. Keadaan ini membuatkan pedagang atau perlabur perlu memiliki ilmu dan kemahiran untuk bertahan dalam pasaran saham.

Kajian ini dilakukan untuk meneliti ilmu dan kemahiran yang diperlukan untuk seseorang pedagang mahupun pelabur untuk menjadikan perlaburan saham sebagai sumber pendapatan pasif dan terus bertahan dalam pasaran saham sama ada pada peringkat nasional mahupun pada peringkat antarabangsa.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah Fenomenalogi (*Phenomenology*). Kaedah persampelan data pula menggunakan Teknik Persampelan Bertujuan (*Purposive Sampling*) melalui kaedah Pemerhatian Turut Serta (*Participating Observation*) pengkaji dalam tiga buah kumpulan aplikasi atas talian Telegram yang dikelolakan oleh seorang tenaga pengajar juga mentor perlaburan saham yang terkenal dan diiktiraf oleh Bursa Malaysia.

Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 137 - 150]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com

Soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian; Bahagian A mengandungi demografi responden termasuklah jantina, usia, tahap pendidikan dan penglibatan mereka dalam pelaburan saham. Soalan yang dikemukakan termasuklah jumlah modal untuk melakukan pelaburan, tempoh memahami selok-belok pasaran saham, minimum keuntungan yang diperolehi. Bahagian B pula adalah melibatkan kemampanan untuk mereka terus bertahan dalam pasaran saham. Soalan yang ditanya termasuklah ilmu asas yang perlu dikuasai, ciri mentor terbaik, status seorang pelabur dan pedagang dan pengurusan emosi. Bahagian C pula melibatkan risiko dalam parasan saham. Soalan yang ditanya termasuklah cara memantau perlaburan dan risiko dalam perlaburan. Bahagian D pula adalah melibatkan nasihat dan pandangan mereka terhadap mereka yang ingin menjadikan pasaran saham sebagai pendapatan pasif.

Hasil Dapatan Dan Analisis Kajian

Latar Belakang Responden dan Penglibatan dalam Saham

Kajian ini dijalankan terhadap 12 responden yang terdiri daripada 7 orang reponden lelaki dan 5 orang responden perempuan. Kesemua responden dipilih berdasarkan setahun pemerhatian dilakukan oleh penyelidik terhadap 2,722 pedagang dan pelabur yang menjadikan pasaran saham sebagai sumber pandapatan pasif mereka. Analisis kajian menggunakan kaedah analisis kandungan dengan menganalisis setiap temubual yang telah dijalankan terhadap mereka. Responden 1 dan 5 masing-masing berumur 28 tahun merupakan responden termuda yang ditemubual dalam kajian ini mewujudkan penilaian awal untuk memahami perilaku pemilihan pelaburan dalam kalangan rakyat Malaysia. Seramai 7 orang responden berusia antara 30 hingga 40 tahun, 3 orang berusia 41 hingga 55 tahun. Enam responden (50%) daripada 12 responden yang terpilih menjadikan pasaran saham sebagai pendapatan utama walaupun pada awalnya hanyalah sekadar menjadikan pasaran saham sebagai pendapatan pasif.

Majoriti responden mempunyai pendidikan pada tahap diploma/STPM (33%) dan ijazah sarjana muda (33%). Responden 8 dan 9 memiliki tahap pendidikan terendah iaitu masing-masing di peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) (8%) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) (8%), namun tidak menghalang mereka melibatkan diri dalam pasaran saham secara aktif. Hanya Responden 3 dan 6 (17%) memiliki tahap pendidikan tertinggi dalam kajian ini iaitu ijazah sarjana. Lapan orang responden telah terlibat dalam pelaburan saham dalam tempoh 1 hingga 2 tahun (67%), tiga orang responden 3 hingga 4 tahun (25%) dan seorang responden selama 7 tahun (8%). Manakala, semua responden kecuali Responden 11 mengambil masa antara 0 hingga 2 tahun (92%) untuk memastikan perdagangan yang dilakukan memperoleh keuntungan yang lebih stabil berbanding jumlah kerugian.

Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 137 - 150]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com

Jadual 1: Latar belakang responden dan penglibatan dalam pasaran saham

Responden	Jantina*	Umur (tahun)	Tahap pendidikan tertinggi	Status pelaburan**	Pengalaman dalam Saham (tahun)	Tempoh memperoleh keuntungan yang stabil (tahun)	Cadangan modal awal pelaburan saham (RM)
1	L	28	Diploma/STPM	FT	3	1.5	5,000
2	L	35	Diploma/STPM	PT	4	2	20,000
3	P	30	Ijazah Sarjana	PT	2	1	5,000
4	P	37	Ijazah Sarjana Muda	PT	1 tahun 4 bulan	1	45,000
5	L	28	Diploma/STPM	FT	2	1	3,000
6	P	52	Ijazah Sarjana	PT	1	1 tahun ke atas	5,000 – 10,000
7	L	43	Ijazah Sarjana Muda	PT	1	6 bulan	30,000
8	P	36	SPM	FT	1 tahun 3 bulan	1	8,000
9	L	30	PMR/SRP	FT	4	2	10,000
10	P	35	Ijazah Sarjana Muda	FT	2	2	5,000
11	P	35	Diploma/STPM	FT	7	3 - 4	5,000
12	P	55	Ijazah Sarjana	PT	2.5	1.5	20,000 – 50,000

* L = Lelaki, P = Perempuan

** FT = Sepenuh masa, PT = Sambilan

Saranan Terhadap Pelabur dan Pedagang Baharu

Majoriti responden (50%) mencadangkan modal awal yang realistik yang diperlukan untuk melibatkan diri dalam jual beli saham iaitu sebanyak RM3,000 hingga RM5,000. Responden 11 turut menyatakan bahawa modal awal yang hendak digunakan bagi tujuan pelaburan atau perdagangan saham mestilah bukan daripada sumber kewangan yang disimpan bagi tujuan tertentu sebaliknya merupakan sumber kewangan lebihan yang tidak digunakan (*idle fund*).

Berdasarkan maklum balas daripada responden, jumlah modal awal adalah bergantung kepada tahap kemampuan individu tersebut. Secara umumnya, pasaran saham di Malaysia hanya menetapkan jumlah unit saham minima yang boleh dibeli iaitu sebanyak 100 unit bagi setiap transaksi. Selain itu, pengecualian duti setem terhadap saham syarikat permodalan kecil dan sederhana (*small and mid cap*) mengurangkan lagi kos bagi setiap transaksi. Oleh itu, pelabur dan pedagang boleh memiliki sejumlah unit saham berdasarkan kemampuan modal awal yang dimiliki dan seterusnya mengembangkan modal melalui keuntungan yang dijana dalam jual beli saham.

Walau bagaimanapun, jumlah modal tidak semestinya menjamin keuntungan atau kerugian dalam pasaran saham. Ini dapat dilihat dalam kalangan responden yang mencatatkan keuntungan minimum yang diperolehi secara bulanan atau tahunan sekurang-kurangya sebanyak 10% sekalipun menggunakan jumlah modal yang berbeza. Aspek penting yang ditekankan oleh responden dalam urus niaga saham ialah keperluan terhadap pengetahuan dan

Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 137 - 150]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com

teknik yang betul bagi mendapatkan keuntungan dan untuk terus bertahan dalam pasaran saham.

Semua responden menyarankan supaya mendalami terlebih dahulu ilmu analisis teknikal sebagai ilmu asas. Selain itu, lima responden turut menyenaraikan ilmu analisis fundamental manakala lain-lain responden turut menyenaraikan ilmu pengurusan kewangan, pengurusan emosi dan ilmu sentimen sebagai salah satu ilmu asas yang perlu dimahirkan. Pengetahuan mengenai ilmu asas dalam urus niaga saham pula mestilah diperoleh daripada guru ataupun mentor saham. Bagi ciri-ciri mentor terbaik untuk dijadikan guru dalam dunia pelaburan saham, enam responden menyarankan supaya memilih mentor yang bertanggungjawab, mengambil berat dan berkeupayaan menyampaikan ilmu dengan jelas dan mudah difahami manakala empat responden lain mencadangkan mentor yang mempunyai pengalaman luas dalam pasaran saham. Dua orang responden mencadangkan mentor yang telah terbukti kejayaan mereka selain turut juga terbukti berupaya menghasilkan mentor yang berjaya dalam pasaran saham.

Ilmu analisis fundamental dan teknikal sangat penting selain memerlukan bimbingan guru yang layak untuk berjaya (Atan, 2018). Malah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) juga mengkehendaki individu yang ingin mengurus, mengajar atau menyampaikan ilmu urus niaga saham perlu memiliki lesen yang dikeluarkan oleh SC bagi memastikan pengajar tersebut berkelayakan dan memiliki tauliah yang sah. Ini juga bagi mengelakkan berlakunya penipuan terhadap orang awam terutama individu yang baru mengenali pasaran saham (SC, nd).

Selain ilmu asas kemahiran analisis teknikal dan fundamental serta mentor yang baik, responden juga mengakui bahawa pedagang atau pelabur juga perlu menguasai pengurusan emosi dan psikologi dengan baik untuk berjaya dalam urus niaga saham terutama apabila pasaran saham membuat kejatuhan. Bagi menguruskan emosi dengan baik dalam pasaran saham, keseluruhan responden mencadangkan supaya setiap pelabur dan pedagang hendaklah berdisiplin dalam mengikuti pelan urus niaga saham yang telah dirancang. Pelan ini hendaklah berdasarkan ilmu analisis fundamental dan teknikal yang dipelajari sekaligus akan mewujudkan pengurusan risiko yang baik bagi meminimumkan kerugian sekiranya pegangan saham yang dimiliki mencatatkan kejatuhan. Malah, dua responden turut mencadangkan supaya pelabur dan pedagang peka terhadap sentimen dan perkembangan semasa dunia yang mungkin mempengaruhi pasaran saham.

> Kena kuasai ilmu asas analisis fundamental dan teknikal serta selalu peka dengan perkembangan semasa dunia.
>
> (Responden 8)

> Pastikan setiap transaksi dicatat. Kalau rugi (perlu) cari di mana silapnya. Adakah disebabkan emosi sendiri ataupun sesuatu yang tidak boleh dikawal seperti sentimen (pasaran) dunia.
>
> (Responden 11)

Pelaburan dan perdagangan saham terdedah kepada pelbagai risiko. Ismail & Aziz (1985) membahagikan risiko dalam pasaran saham kepada dua iaitu risiko pasaran dan risiko spesifik. Risiko pasaran berbentuk umum yang boleh dipengeruhi oleh sentimen tempatan atau global

Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 137 - 150]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com

manakala risiko spesifik adalah melibatkan faktor dalaman syarikat atau kaunter yang tersenarai dalam pasaran saham itu sendiri (Ismail & Aziz, 1985). Selain itu, pelabur berdepan cabaran dalam pemilihan saham yang sesuai, kesahan maklumat yang diperoleh, kesesuaian masa untuk melakukan transaksi jual beli saham dan mengenal pasti waktu harga saham yang hendak menjunam (Jaiyeoba & Haron, 2016). Walau bagaimanapun, risiko bagi setiap pedagang atau pelabur adalah berbeza mengikut pelan pelaburan masing-masing. Bagi mengurangkan risiko dalam pasaran saham, responden menyenaraikan beberapa perkara yang perlu dielakkan oleh pelabur dan pedagang saham.

Perkara paling kerap disenaraikan oleh responden ialah membeli sesuatu saham tanpa membuat sebarang kajian terhadap kaunter atau syarikat yang menerbitkan saham tersebut dan sikap membeli hanya berdasarkan saranan daripada pihak lain (*buy call*). Walau bagaimanapun, menurut Jaiyeoba et al. (2018), bagi meyakinkan pemilikan terhadap sesuatu saham, mendapatkan pandangan kedua seperti rujukan daripada laporan penganalisis, forum atau interaksi atas talian, pelabur dalam pasaran, carian atas talian atau pelbagai bahan bacaan merupakan kaedah atau tingkah laku penting dalam pasaran saham. Ini bagi membolehkan maklumat ditapis dengan mengambil kira sifat pasaran yang sensitif, memastikan waktu yang tepat untuk membuat pembelian atau penjualan dan membantu pemantauan terhadap portfolio yang dimiliki (Jaiyeoba et al., 2018).

> Membeli sesuatu kaunter melalui pandangan orang lain (*buy call*) tanpa kita mengkaji, ini sangat mempengaruhi emosi kita jika kaunter yang dibeli mengalami kerugian.
>
> (Responden 8)

> Membeli tanpa mengkaji contohnya membeli berdasarkan *buy call* sahaja.
>
> (Responden 10)

> Jangan dengar tips daripada orang lain sebaliknya cari ilmu untuk tahu dan kajian sendiri.
>
> (Responden 11)

> Membeli saham tanpa pengetahuan tentang sesuatu kuanter seperti analisis fundamental, potensi keuntungan dan tahap risiko.
>
> (Responden 12)

Perkara lain yang disenaraikan oleh responden ialah memasuki pasaran mengikut emosi, bersikap tamak dan berdagang secara melampau (*over trade*). Mengikut emosi antaranya seperti memasuki pasaran untuk memperoleh keuntungan segera tanpa mengambil kira suasana keseluruhan pasaran atau teruja membeli sesuatu saham yang sedang meningkat naik (Zuraida, 2016). Jaiyeoba et al. (2018) dalam kajian mereka mendapati antara simptom pelabur yang terperangkap dalam kecenderungan emosi semasa memasuki pasaran ialah sukar menghentikan kerugian (*cut loss*) apabila saham yang dibeli jatuh malah mengharapkan harga saham tersebut kembali naik pada masa akan datang. Pelabur runcit biasanya terkesan terhadap kecenderungan psikologi dan emosi berbanding pelabur institusi atau pengurus dana (Jaiyeoba et al., 2018). Bagi memastikan keputusan di buat secara objektif, pelabur institusi mengambil langkah antaranya mematuhi pelan pelaburan, mengadakan perbincangan di peringkat

Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 137 - 150]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com

jawatankuasa, mengekalkan disiplin diri, meletakkan target keuntungan yang objektif, menghentikan kerugian sekiranya berlaku ketika perlu dan tidak memasuki atau membeli saham yang sedang menjadi perhatian dan tarikan pelabur lain (*following the crowd*) (Jaiyeoba et al., 2018).

Sikap tamak dalam urus niaga saham seperti pelabur atau pedagang yang menginginkan keuntungan dalam tempoh yang cepat dan ingin mengambil keuntungan yang lebih tinggi walaupun harga sesuatu saham telah pun meningkat dengan banyak (Zuraida, 2016). Pasaran saham mempunyai kitaran naik dan turun yang tersendiri. Unjuran turun dan naik saham tidak dapat diramalkan secara tepat walaupun kajian telah dibuat. Ini berkait dengan faktor dan risiko seperti yang telah dilaporkan oleh Ismail & Aziz (1985). Pelabur dan pedagang dinasihatkan supaya mengikut pelan urus niaga saham yang telah ditetapkan bagi mengelakkan kerugian yang besar sekiranya pasaran saham jatuh secara mendadak. Manakala berdagang secara melampau antaranya seperti memasuki pasaran dengan tujuan mendapatkan semula modal yang hilang disebabkan oleh kerugian semasa urus niaga saham yang lepas atau membeli saham melebihi kemampuan (Eza, 2018 & 2019).

Pasaran saham umumnya melibatkan dua jenis aktiviti iaitu perdagangan dan pelaburan. Kedua-dua aktiviti ini mempunyai pendekatan yang berbeza dalam pasaran saham. Perdagangan saham biasanya melibatkan urus niaga saham dalam jangka masa pendek, pemilihan kaunter berdasarkan faktor yang boleh mempengaruhi pergerakan saham dan memberi penekanan terhadap analisis teknikal sahaja. Manakala pelaburan melibatkan urus niaga saham dalam jangka masa panjang, pemilihan saham bertumpu kepada kualiti dan analisis fundamental sesuatu syarikat serta pemberian dividen tahunan yang tinggi. Meskipun begitu, pelabur baru kerap kali terkeliru malah menggabungkan kedua-dua aktiviti ini pada satu-satu masa terutama apabila pasaran saham menunjukkan reaksi diluar jangkaan. Majoriti responden beranggapan bahawa pilihan untuk menjadi seorang pedagang atau pelabur pada satu-satu masa bergantung kepada faktor masa yang dimiliki oleh individu tersebut. Responden menyarankan supaya individu yang tidak memiliki banyak masa untuk memantau transaksi saham secara kerap adalah lebih sesuai untuk memilih mod pelaburan berbanding perdagangan.

> Bergantung kepada individu. Bukan semua sesuai jadi pedagang dan pelabur. Kembali kepada masa dan matlamat.
>
> (Responden 5)

Pelabur apabila kita tidak ada banyak masa untuk memantau pasaran saham dengan aktif. Pedagang apabila kita mempunyai banyak masa untuk memantau pasaran saham setiap hari. (Responden 8)

Walau bagaimanapun, sekurang-kurangnya dua orang responden beranggapan bahawa kedua-dua aktiviti tersebut boleh dilakukan secara serentak dengan melakukan pembahagian (*diversification*) portfolio iaitu dengan membeli sejumlah saham tertentu bagi tujuan pelaburan dan sebahagian yang lain bagi tujuan perdagangan. Responden turut menyarankan supaya kaunter yang dibeli bagi tujuan pelaburan adalah ketika harga saham semasa berada di bawah nilai sebenar (*undervalued*) serta mempunyai analisis fundamental dan teknikal yang kukuh.

Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 137 - 150]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com

> Pelabur semasa harga saham *undervalued*. Pedagang semasa saham sedang *uptrend*.
>
> (Responden 7)

> Bila-bila masa boleh jadi kedua-duanya. Kena pandai kaji kaunter yang mana sesuai (untuk) labur dan kaunter bagaimana sesuai (untuk) dagang.
>
> (Responden 11)

Peningkatan pembukaan akaun CDS juga melihatkan penyertaan dan minat dalam kalangan individu yang bekerja sepenuh masa dan menjadikan pasaran saham sebagai sumber kewangan secara pasif atau sambilan. Bagi individu yang bekerja sepenuh masa tetapi terlibat dalam urus niaga saham secara sambilan, mereka mempunyai tempoh masa yang terhad untuk melakukan kajian, menguruskan transaksi saham dan memantau sentimen yang mempengaruhi pergerakan saham. Majoriti responden menyarankan kepada pedagang sambilan supaya memilih kaunter yang mempunyai analisis fundamental yang baik dan berada pada unjuran menaik (*uptrend*). Pemilihan kaunter yang mempunyai fundamental yang baik dan berada pada keadaan unjuran menaik dapat mengawal emosi dan mengurangkan risiko kerugian terutama bagi pelabur dan pedagang yang berhalangan memantau pergerakan saham dengan kerap. Responden juga turut menyarankan kepada pedagang sambilan beberapa cadangan sebagimana berikut;

> Patuhi pelan pelaburan *(Follow trading plan)* […]
>
> (Responden 1)

> Cari kaunter yang *uptrend* dan fundamental syarikat yang baik.
>
> (Responden 4)

> Kajian selepas waktu pejabat, *que buy* kaunter pilihan dan pantau semasa waktu rehat.
>
> (Responden 7)

> Perlu mengkaji fundamental kaunter syarikat yang dibeli dan latar belakang syarikat tersebut.
>
> (Responden 8)

Kajian terhadap sesuatu kaunter boleh dilakukan di luar waktu bekerja manakala bagi tujuan pantauan dan jual beli saham pula boleh dilakukan melalui penggunaan aplikasi atas talian yang telah banyak dihasilkan oleh pelbagai syarikat broker saham pada masa kini. Seiring perkembangan teknologi dunia, penciptaan aplikasi urus niaga saham secara atas talian membolehkan urusan transaksi dan pantauan saham dapat diakses dengan pantas melalui telefon pintar. Ini membolehkan urus niaga dan pantauan saham dapat dilakukan pada bila-bila masa. Pantauan saham boleh dilakukan semasa waktu rehat sekaligus tidak mengganggu waktu bekerja. Antara cadangan yang dikemukakan oleh responden adalah sebagimana berikut;

> Melihat pasaran saham melalui platform di telefon bimbit.
>
> (Responden 10)

> Dikala ini banyak sangat aplikasi dan aplikasi broker yang boleh akses dimana-mana dan pada bila-bila masa.
>
> (Responden 11)

Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 137 - 150]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com

Risiko utama yang perlu dihadapi oleh pelabur dan pedagang saham ialah kerugian modal. Ini diakui oleh kesemua responden yang terlibat. Oleh itu, bagi meminimakan risiko tersebut, keseluruhan responden menyarankan supaya setiap pelabur dan pedagang hendaklah mematuhi pelan pelaburan dan perdagangan yang telah dirancang. Pelan tersebut hendaklah turut mengambil kira tahap risiko kerugian yang sanggup ditanggung oleh seseorang pelabur dan pedagang sekiranya pasaran saham mencatatkan kejatuhan. Ini diikuti oleh kaedah menghentikan kerugian (*stop loss*) iaitu menjual saham yang dimiliki sebelum harga saham jatuh lebih banyak bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar. Kebanyakan platform urus niaga saham yang dimiliki oleh syarikat broker secara atas talian membenarkan pengguna menetapkan *stop loss* secara automatik sekiranya harga saham jatuh pada harga yang tertentu sekaligus dapat membantu pelabur dan pedagang mengurangkan risiko kerugian. Antara nasihat yang dikemukakan oleh responden adalah sebagaimana berikut;

> Risiko rugi. Sebab itu perlu guna duit lebihan. Supaya emosi lebih terkawal […]
> (Responden 5)

> Rugi modal. Minimumkan dengan kira risiko yang boleh diambil sebelum masuk (*entry*).
> (Responden 6)

> Kehilangan modal. Buat kajian kaunter secara terperinci dari segi fundamental dan teknikal. Perlu sediakan *trading plan* dan perlu patuhinya.
> (Responden 7)

> Risiko kehilangan (modal) dan kawal dengan *trading plan.*
> (Responden 9)

> Risiko utama adalah kerugian modal. Setiap pedagang wajib mempunyai pengetahuan tentang ilmu saham, emosi yang kuat serta keputusan yang bijak.
> (Responden 12)

Lain-lain saranan yang kerap diberikan oleh responden berkaitan pelaburan saham ialah penekanan terhadap aspek ilmu pengetahuan yang mesti dipelajari melalui mentor yang berkelayakan dan berpengalaman sekiranya ingin menceburkan diri dalam urus niaga saham. Pelabur dan pedagang yang baru mula berkecimpung dalam urus niaga saham dinasihatkan tidak tergesa-gesa memasuki pasaran saham kerana ingin mendapatkan keuntungan yang segera tetapi hendaklah melakukan kajian bagi memastikan teknik dan kaedah yang dipelajari diyakini mampu memberikan keuntungan. Namun, sekiranya pasaran saham bertindak diluar jangkaan, setiap pelabur dan pedagang mestilah bersedia dengan pelan yang dirancang bagi mengurangkan kerugian. Responden turut mengakui bahawa ilmu pengetahuan, teknik dan kaedah dalam pelaburan saham sangat luas dan pelbagai. Nasihat yang turut dikemukakan oleh responden untuk menghadapi ketidak tentuan pasaran adalah sebagaimana berikut;

> Saham lubuk jana duit dan ia juga lubuk hilangkan duit jika tidak tahu kawal emosi. Jangan terkejar-kejar, sabar dan bergurulah. […]
> (Responden 5)

> Teruskan praktis dan belajar.
> (Responden 7)

Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 137 - 150]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com

> Jangan pernah jemu mendalami ilmu saham, mendekati mentor-mentor saham, selalu belajar daripada kesilapan, berada bersama mereka yang terlibat dalam dunia saham dan peka dengan perkembangan semasa dunia.
>
> (Responden 9)

> Jangan berhenti mencari ilmu saham, kerana dengan adanya ilmu risiko dalam pelaburan akan dapat dikurangkan bagi menjana keutungan yang maksimum.
>
> (Responden 10)

> Pengetahuan bidang saham sangat luas dan sentiasa mencabar. Pelabur wajib memiliki kefahaman teknikal asas seperti carta dan indikator selain pengetahuan tentang turun naik sesuatu kaunter itu sendiri. Elakkan membeli saham hanya berdasarkan *buy call* […]. Sentiasa berpandukan *trading plan* sendiri untuk meminimakan kerugian dan memaksimakan keuntungan.
>
> (Responden 12)

Meskipun mencatatkan perkembangan pesat dicatatkan oleh pemegang akaun CDS bumiputera, namun pegangan akaun CDS bumiputera masih jauh ketinggalan berbanding kaum lain dengan hanya 26.5% akaun CDS sahaja direkodkan pada Februari 2019 berbanding 71.5% daripada bukan bumiputera (BMi, 2019). Oleh itu, kesedaran terutama kepada golongan belia sangat penting kerana mereka adalah golongan paling aktif dalam masyarakat, cepat belajar dan menyesuaikan diri apatah lagi dengan wujudnya pelbagai kemudahan aplikasi urus niaga saham atas talian. Penglibatan mereka dalam urus niaga saham khususnya secara tidak langsung mengenalkan mereka terhadap ilmu pengurusan kewangan dan kekayaan yang menjadi kebimbangan pelbagai pihak seperti yang dilaporkan oleh Yew et al. (2017), Idris et al. (2016), Yong & Tan (2017) dan Kwee (2019) kerana tahap celik kewangan yang rendah dalam kalangan belia. Ini dapat membantu mereka menguruskan kekayaan pada usia yang muda dan melengkapkan persiapan bagi menghadapi cabaran kewangan pada masa hadapan. Pendedahan awal golongan belia terhadap urus niaga saham sebagai pendapatan pasif juga penting sebagai langkah meningkatkan milikan kekayaan bumiputera pada masa akan datang yang sekarang ini dilihat ketinggalan jauh berbanding kaum lain (Atan, 2018).

Kesimpulan

Kesedaran terhadap pasaran saham sebagai pendapatan yang semakin meningkatkan yang dilihat berdasarkan pembukaan akaun CDS dalam kalangan bumiputera perlu disuburkan lagi melalui wacana ilmu dan program kesedaran. Persiapan ilmu pengetahuan dan teknik yang betul selain daripada simpanan sebagai modal awal pelaburan atau perdagangan yang dirancang melalui pengurusan kewangan yang betul dilihat menjadi cabaran yang penting yang perlu dikuasai oleh bumiputera untuk menjadikan pasaran saham sebagai sumber pendapatan pasif yang sah dan berjaya. Penyertaan dalam pasaran saham sebagai pendapatan pasif dalam kalangan bumiputera dijangka dapat membantu meningkatkan milikan kekayaan mereka sekaligus meningkatkan milikan kekayaan bumiputera secara keseluruhan. Keadaan ini juga menyumbang kepada suasana ekonomi dan sosial yang lebih baik dalam masyarakat dan negara.

Volume: 5 Issues: 30 [June, 2020] pp. 137 - 150]
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com

Penghargaan

Penyelidik ingin menyampaikan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia atas peruntukan kewangan melalui Geran Penyelidikan Jangka Pendek (304/PCGSS/6313184) dan Geran Penyelidikan Universiti (11001/PCGSS/816308) kerana membiayai penyelidik menjalankan kajian.

Rujukan

Atan, T. (2018, 11 Jun). Apa yang kita ingin belajar mesti ada kesungguhan – Datuk Seri Tajuddin Atan [Fail Video]. Diakses daripada https://www.facebook.com/hj.mohdasriahmad/photos/p.1716773985132985/1716773985132985/?type=1&theater pada 15 Ogos 2019.

Bernama (2016). Dua kerja perlu untuk ringan beban kewangan. Diakses daripada http://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-kerja-perlu-untuk-ringan-beban-kewangan-87804

BH Online (2020, 8 April). Urus niga saham secara digital meingkat. BH Online. Dipetik daripada https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/04/674588/urus-niaga-saham-secara-digital-meningkat pada 8 Julai 2020.

BM-i (2019, 19 Februari). CDS account ownership by retail investors. Facebook Bursa Malaysia-I. Diakses daripada https://www.facebook.com/ICMBursa/

BNM, Bank Negara Malaysia (2016). Peringatan kepada semua pengguna. Diakses daripada http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_financialconsumeralert&lang=bm

BNM, Bank Negara Malaysia (2018). Peringatan kepada Semua Pengguna. Diakses daripada http://www.bnm.gov.my/index.php?lang=bm&ch=bm_financialconsumeralert

Eza (2018) Prinsip 3R – pengurusan, kawalan emosi dan psikologi dalam dunia dagangan saham. Diakses daripada http://www.majalahlabur.com/saham/prinsip-3r-pengurusan-kawalan-emosi-dan-psikologi-dalam-dunia-dagangan-saham/

Eza (2019) Memahami risiko pelaburan: 4 perkara penting anda perlu tahu. Majalah Labur. Diakses daripada http://www.majalahlabur.com/pelaburan/memahami-risiko-pelaburan-4-perkara-penting-anda-perlu-tahu/

Idris, Nur et.al. (2016). Financial literacy and debt burden among Malay youth workers in Malaysia, Advanced Science Letters. Vol. 22, 4288-4292.

Ismail, I & Aziz, A. H. (1985) Ciri-ciri risiko saham di pasaran saham Kuala Lumpur, Jurnal Pengurusan. Vol. 4, 49-58.

Jaiyeoba, H. B. et.al. (2018) Investment decision behaviour of the Malaysian retail investors and fund managers: A qualitative inquiry. Qualitative Research in Financial Markets. Vol.10(2), 134-151.

Jaiyeoba, H.B. & Haron, R. (2016) A qualitative inquiry into the investment decision behaviour of the Malaysian stock market investors. Qualitative Research in Financial Markets. Vol.8(3), 246-267.

Klebnikov, S. (2020, 3 April) IMF warns coronavirus will hurt global economy 'way worse' than 2008 financial crisis. Diakses daripada https://www.forbes.com/sites/sergeiklebnikov/2020/04/03/imf-warns-coronavirus-will-hurt-global-economy-way-worse-than-2008-financial-crisis/#6333d4bb707e.

Kwee K. P. (2019) Determinants of personal financial literacy among young adults in malaysian accounting firms. Global Academy of Training and Research (GATR) Enterprise.

Mahanum, Abdul Aziz (2019, 6 Ogos) Tingkat kesedaran. MyMetro. Dipetik daripada https://www.hmetro.com.my/bisnes/2019/08/483237/tingkat-kesedaran pada 8 Julai 2020.

Mingguan, Sarawak (2016, 14 Ogos) Pendapatan pasif punca sertai skim cepat kaya. Mingguan Sarawak.

Safeek Affendy Razali (2017, 19 Disember). PDRM dedah 30 syarikat tipu pelabur. Berita Harian Online. Diakses daripada https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/12/365233/pdrm-dedah-30-syarikat-tipu-pelabur

SC, Securities Commission Malaysia (nd). Achieving process transparency licensing process. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Diakses daripada https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=510934f7-9030-46eb-af9a-d46fe7b75f19

The Star (2017, 3 Mei). More young investors entering into Malaysian market. The Star Online. Diakses daripada https://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/05/03/young-investors/

Usahawan.Com (2018) Pendapatan pasif: Rahsia kejayaan sebenar. Diakses daripada https://www.usahawan.com/umum/pendapatan-pasif-rahsia-kekayaan-sebenar.html/

Yew, S., et.al. (2017) Does financial education matter? Education literacy among undergraduates in Malaysia. Institutions and Economies. Vol. 9(1), 43-60.

Yong, Hui-Nee Au & Tan, Kock Lim. (2017) The influence of financial literacy towards risk tolerance. International Journal of Business and Society. Vol. 18(3), 469-484.

Zuraida, M. Z. (2016) Punca-punca kerugian di dalam pelaburan saham. Utusan Online. diperoleh daripada http://www.utusan.com.my/bisnes/korporat/punca-punca-kerugian-di-dalam-pelaburan-saham-1.212508

Zuraida, M. Z. (2017) Mengawal emosi dalam urus niaga saham. Utusan Online. Diakses daripada http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/mengawal-emosi-dalam-urus-niaga-saham-1.447739

Zuraida, M. Z. (2018) Cetek ilmu saham punca rugi. Utusan Online. Diakses daripada http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/cetek-ilmu-saham-punca-rugi-1.724883